- 8.1 Operator hendaklah memastikan setiap pemandu bas mempunyai lesen yang disahkan oleh Agensi Pengangkutan Malaysia bagi lesen PSV Kelas E, beretika, bersopan santun, mematuhi peraturan jalan raya, tiada rekod jenayah, bebas daripada ketagihan alkohol dan dadah dan menitik beratkan isu keselamatan serta disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan.
- 8.2 Operator juga akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kecurian yang berlaku semasa waktu perkhidmatan.
- 8.3 Sekiranya berlaku kemalangan atau kerugian ke atas orang awam, kakitangan MBSJ atau ke atas mana-mana orang di sepanjang masa Operator menjalankan Perkhidmatan tersebut, kerugian hendaklah ditanggung oleh Operator sepenuhnya yang mana berpunca ataupun disebabkan oleh kecuaiannya Operator selama tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa.

## 9.0 PEMERIKSAAN

SYARIKAT hendaklah membenarkan wakil MBSJ yang diberikuasa secara bertulis untuk memeriksa Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini ketika ia dilakukan atau sesudah ianya disempurnakan. Sekiranya pihak MBSJ atau pegawainya telah membuat pemeriksaan dan mendapati terdapat sebarang kesalahan atau kemungkiran di bawah Perjanjian ini termasuk berlaku kelewatan waktu bertugas, MBSJ berhak untuk melaksanakan denda dan/atau pemotongan mengikut Kadar Denda dari tarikh mula Perkhidmatan bagi jumlah yang harus dibayar oleh MBSJ kepada SYARIKAT dan MBSJ boleh menamatkan Perjanjian ini sekiranya SYARIKAT gagal untuk melaksanakan obligasi yang ditetapkan di dalam PENENTUAN PERKHIDMATAN ini.

## 10.0 OPERASI PERKHIDMATAN

- 10.1 Operator dengan kos sendiri hendaklah **menyediakan bas gantian dalam masa tidak lebih daripada satu (1) jam sekiranya berlaku kerosakan pada bas-bas sedia ada.**
- 10.2 Operator hendaklah memastikan bas-bas bertolak dari perhentian bas mengikut laluan dan arahan yang ditetapkan.

- 10.3 Operator hendaklah memastikan bas percuma tersebut tidak mengambil atau menurunkan penumpang selain dari perhentian yang ditetapkan untuk perkhidmatan bas percuma ini kecuali jika diarahkan oleh Pihak MBSJ dan persetujuan bersama pihak SYARIKAT.
- 10.4 Semua perkhidmatan yang dijalankan hendaklah memberi kepuasan kepada pengguna-pengguna Bas SMART Selangor, Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Y.B Exco Pengangkutan, Pegawai Penguasa atau wakilnya. Sebarang perubahan skop perkhidmatan tidak dibenarkan kecuali atas arahan dan kebenaran bertulis dari Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 10.5 Operator hendaklah memastikan bas-bas diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kerosakan bas dan sentiasa berada dalam keadaan bersih mengikut jadual dan menanggung kos perkhidmatan tersebut.
- 10.6 Operator hendaklah dengan kos sendiri mempunyai insuran.
- 10.7 Operator bertanggungjawab menjaga kebajikan perkhidmatan dengan memberikan gaji/upah yang berpatutan, perubatan, KWSP, insurans dan lain-lain yang dirasakan perlu.
- 10.8 Jumlah perkhidmatan hendaklah sentiasa mencukupi dan Operator hendaklah sentiasa menyelia bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna.
- 10.9 Operator dibenarkan menambah tenaga perkhidmatannya mengikut pertimbangannya tetapi tiada penambahan harga akan dibuat.
- 10.10 Penggunaan bas selain dari yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa tidak dibenarkan. Penggunaan bas hanyalah untuk penggunaan di kawasan pentadbiran MBSJ sahaja dan tidak dibenarkan beroperasi di kawasan PBT lain.
- 10.11 Semua pemandu hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam. Pakaian seragam perlu disediakan mengikut rekabentuk seperti di Lampiran 3.
- 10.12 Setiap perkhidmatan disyaratkan untuk memakai kasut yang bersesuaian semasa melaksanakan perkhidmatan. Pemakaian seluar denim (jeans) dan selipar semasa waktu beperkhidmatan adalah dilarang.
- 10.13 Memastikan pemandu mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan dan mematuhi jadual operasi yang telah diluluskan.
- 10.14 Operator hendaklah mengemukakan laporan dan statistik kadar penggunaan penumpang kepada MBSJ sebelum atau pada sepuluh (10) hari bulan pada setiap bulan yang mengandungi maklumat bilangan penumpang bagi setiap trip bas dan

setiap laluan untuk setiap hari dan bulan perkhidmatan dan diemail kepada [pengangkutan@mbsj.gov.my](mailto:pengangkutan@mbsj.gov.my)

- 10.15 SYARIKAT hendaklah mengambil tindakan segera dan sebaik-baiknya dalam tempoh 24 jam dan mengemukakan laporan kepada MBSJ bagi setiap aduan yang dikemukakan oleh MBSJ.
- 10.16 SYARIKAT tidak dibenarkan mengutip sebarang bayaran daripada penumpang yang menaiki bas di perhentian-perhentian Bas yang disediakan kecuali jika diarahkan oleh MBSJ.
- 10.17 Pemandu bas perlu memastikan pengguna Bas Smart Selangor mengimbas kod QR sistem '*Scan To Ride*' terdapat pada pintu masuk bas semasa masuk dan pintu keluar sebelum turun dari bas.
- 10.18 Tidak berlaku keadaan bas membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan.
- 10.19 Pihak MBSJ boleh mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa kepada SYARIKAT untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang melibatkan program-program MBSJ bergantung kepada keperluan MBSJ dalam melaksanakan program-program yang melibatkan MBSJ tanpa sebarang kos.
- 10.20 Pemasangan bas *wrapping* perlu disediakan mengikut rekabentuk yang telah ditetapkan oleh MBSJ seperti di Lampiran 2.
- 10.21 Menyediakan depoh bas.

## **11.0 KEGAGALAN OPERATOR MENYIAPKAN PERKHIDMATAN DAN PENAMATAN KONTRAK**

- 11.1 OPERATOR hendaklah melaksanakan Perkhidmatan seperti yang dipersetujui dan akan diperincikan dalam kontrak perjanjian.
- 11.2 MBSJ akan membuat pemantauan dari masa ke masa terhadap perkhidmatan yang dilaksanakan. Sekiranya didapati Perkhidmatan tidak disediakan mengikut jadual perjalanan bas dan bas gantian tidak disediakan atau syarat-syarat MBSJ tidak dipatuhi maka MBSJ berhak memotong kos ganti rugi daripada bayaran bulan seperti yang ditetapkan di DENDA.
- 11.3 Sekiranya aduan diterima daripada orang awam berkenaan kegagalan OPERATOR untuk melaksanakan Perkhidmatan yang ditetapkan, MBSJ akan membuat penyiasatan dan jika wujud kegagalan yang diadukan, Surat Amaran dan sekiranya

kes berulang denda dan/atau pemotongan serta-merta akan dibuat berdasarkan Kadar Denda yang ditetapkan di DENDA.

- 11.4 Operator hendaklah memaklumkan kepada Pihak Majlis sekiranya terdapat insiden/kerosakan bas sewaktu operasi dilaksanakan kegagalan pemakluman akan dikenakan denda seperti di DENDA.
- 11.5 Kadar denda dan/atau pemotongan di DENDA tersebut adalah tertakluk kepada pindaan dan/atau penambahan oleh MBSJ dari semasa ke semasa.
- 11.6 MBSJ berhak untuk menamatkan perjanjian ini sekiranya prestasi OPERATOR adalah tidak mencapai tahap yang ditetapkan oleh MBSJ.
- 11.7 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan, MBSJ adalah berhak untuk melantik mana-mana OPERATOR lain untuk menjalankan Perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.

## **12.0 PERUBAHAN KONTRAK**

- 12.1 MBSJ boleh mengeluarkan sebarang arahan perubahan kepada Perkhidmatan di dalam bentuk Arahan Perubahan Kontrak di dalam Tempoh Perjanjian. Apabila Arahan Perubahan Kontrak ini dikeluarkan oleh MBSJ, pihak SYARIKAT hendaklah dengan serta-merta mematuhi Arahan Perubahan Perkhidmatan tersebut.
- 12.2 Arahan Perubahan Kontrak bermaksud suatu perubahan di dalam dokumen Perjanjian yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas skop ASAL Perkhidmatan, kualiti atau kuantiti Perkhidmatan yang memberi kesan kepada jumlah Harga Kontrak termasuk:
  - a. Pertambahan, pengurangan atau penggantian sebarang skop perkhidmatan dalam Perkhidmatan;
  - b. Sebarang pertambahan dan/atau pengurangan dan/atau perluasan Kawasan Majlis;
  - c. Pengubahsuaian kepada jenis atau piawai mana-mana bahan-bahan atau barang-barang yang digunakan bagi Perkhidmatan;
  - d. Mengeluarkan daripada premis apa-apa perkhidmatan, bahan-bahan atau barang-barang yang dibekalkan oleh SYARIKAT untuk tujuan Perkhidmatan, yang tidak mematuhi Perjanjian.

- 12.3 Sekiranya MBSJ berhasrat untuk memberikan sebarang Arahan Perubahan Kontrak, surat persetujuan bersama secara bertulis perlu dibuat antara kedua-dua pihak.

## **13.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

- 13.1 SYARIKAT hendaklah memohon untuk mendapatkan semua permit yang diperlukan, pendaftaran, lesen, perjanjian-perjanjian, pemberian kuasa dan kelulusan yang diperlukan bagi melaksanakan perkhidmatan dan hendaklah terus sah sehingga tamat tempoh dokumen.
- 13.2 SYARIKAT hendaklah mempunyai permit atau lesen perubahan sementara yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Puspakom dan lain-lain berkaitan.
- 13.3 Mematuhi kesemua peruntukan undang-undang yang terpakai kepadanya berhubung dengan kontrak ini.
- 13.4 Menyediakan dokumen yang berkaitan bagi memenuhi penentuan perkhidmatan yang telah ditetapkan sepanjang tempoh kontrak

## **14.0 PECAHAN KONTRAK**

- 14.1 Sekiranya OPERATOR telah melanggar mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini atau gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diarahkan atau ditetapkan, MBSJ boleh melantik OPERATOR lain untuk melakukan Perkhidmatan yang teriangguh tersebut atau yang langsung tidak dilaksanakan.
- 14.2 OPERATOR hendaklah menanggung segala kos bagi Perkhidmatan yang tertangguh atau yang langsung tidak dilaksanakan itu sama ada dipotong daripada bayaran yang sepatutnya dibayar kepada OPERATOR tersebut dan apa jua kos lebih hendaklah ditanggung oleh OPERATOR.
- 14.3 MBSJ berhak untuk mengenakan kos pentadbiran, penggantian dan/atau kos-kos kerugian MBSJ lain yang berkaitan akibat daripada kegagalan OPERATOR melaksanakan Perkhidmatan di bawah Artikel ini dengan pemotongan daripada apa-apa bayaran dan melaksanakan tuntutan terhadap OPERATOR sekiranya terdapat lebih kos.

## 15.0 SUB KONTRAK

OPERATOR tidak boleh pada bila-bila masa memajakkan (Sub Kontrak) atau melepaskan semua atau sebahagian dari Perjanjian ini kepada orang lain.

## 16.0 PENGAMBILAN PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Bagi menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan dibawah kontrak ini, OPERATOR adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja mana-mana pekerja yang sedang berperkhidmatan dengan Pegawai Penguasa sama ada pekerja tetap, sementara dan lain-lain.

## 17.0 PENGAMBILAN PEMANDU BAS

Bagi menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan dibawah kontrak ini, OPERATOR perlu memastikan syarat-syarat sebagai pemandu bas dipatuhi seperti berikut :-

- i) Lulus pemeriksaan kesihatan.
- ii) Tiada rekod kesalahan trafik serius atau jenayah dalam rekod pemanduan.
- iii) Mempunyai lesen *Private Service Vehicle (PSV)*.
- iv) Memiliki kesihatan fizikal yang baik dan sesuai untuk menjalankan tugas pemanduan bas.
- v) Memahami undang-undang jalan raya dan peraturan trafik di Malaysia.
- vi) Bersedia mematuhi jadual pemanduan yang ditetapkan, melaksanakan tanggungjawab dengan teliti, dan menghormati waktu yang ditetapkan.
- vii) Sekurang-kurangnya 21 tahun dan tidak melebihi umur tertentu yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

## 18.0 KEROSAKAN BAS

OPERATOR dengan kos sendiri hendaklah menyediakan bas gantian dalam masa tidak lebih satu (1) jam sekiranya berlaku kerosakan pada bas-bas sedia ada. Sekiranya kerap berlaku kerosakan OPERATOR perlu menggantikan dengan bas baru.

## 19.0 BAYARAN

- i) Bagi tujuan tuntutan bayaran, SYARIKAT hendaklah mengemukakan dokumen inbois bulanan dan laporan ridership/jadual perjalanan sebelum sebarang pembayaran kepada SYARIKAT dapat dibuat oleh MBSJ.
- ii) MBSJ hanya akan membuat bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan inbois tersebut.
- iii) Pihak MBSJ setelah menerima butir-butir tuntutan tersebut akan menyemak dan mengesahkan pembayaran yang perlu dijelaskan. Pengesahan pelaksanaan Perkhidmatan hendaklah dilakukan oleh Ketua Jabatan sebelum diluluskan oleh Pengarah Kewangan MPSJ. MPSJ berhak untuk menolak sebarang tuntutan sekiranya dokumen adalah tidak lengkap.
- iv) Tertakluk kepada apa-apa kehendak di dalam Perjanjian ini, sekiranya Perkhidmatan yang diberikan adalah tidak memuaskan atau tidak mematuhi mana-mana syarat Perjanjian, maka MBSJ atau Pengarah Kewangan bagi MBSJ adalah berhak untuk menahan atau memotong apa-apa bayaran dengan mengemukakan notis pemberitahuan satu (1) bulan yang kena dibayar kepada SYARIKAT di bawah Perjanjian ini seperti yang ditetapkan di A.10 tanpa menjejaskan hak MBSJ kepada apa-apa remedi lain di bawah Perjanjian ini.
- v) MBSJ juga berhak untuk menahan dan/atau enggan membuat apa-apa pembayaran sekiranya MBSJ mendapati SYARIKAT telah mengemukakan apa-apa tuntutan atau dokumen yang didapati ia adalah dokumen dan/atau maklumat palsu, tidak sah, tidak tulen dan tidak lengkap kepada MBSJ.
- vi) Bayaran perkhidmatan kepada SYARIKAT yang melaksanakan Perkhidmatan boleh dibayar hingga tiga (3) bayaran kemajuan dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima tawaran dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi.
- vii) Bagi bayaran perkhidmatan yang seterusnya atau empat (4) bulan selepas surat setuju terima dikeluarkan, pembayaran akan hanya dibuat selepas perjanjian kontrak yang rasmi dimuktamadkan. Sehubungan ini, SYARIKAT hendaklah memastikan perjanjian ditandatangani dan dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh MBSJ.

## 20.0 MENANGGUNG RUGI MBSJ

SYARIKAT pada setiap masa selepas ini hendaklah menanggung rugi dan akan terus menanggung rugi bagi pihak MBSJ setakat nilai fi yang SYARIKAT berhak terima di bawah Perjanjian ini terhadap semua atau mana-mana distress, tindakan, prosedur, tuntutan kos, kerugian, tanggungjawab atau belanja yang dikenakan atau dibawa oleh mana-mana individu terhadap MBSJ di dalam mana-mana perkara yang terhasil atau terakibat daripada atau disebabkan oleh kecuaiian yang terbukti, pelanggaran mana-mana tanggungjawab atau salahlaku oleh SYARIKAT, orang yang dibawahnya dan atau agen kepada SYARIKAT.

## 21.0 PENGENALAN PEKERJA

Identiti kenderaan, operator dan pekerja yang terlibat hendaklah jelas ditunjukkan. Setiap pekerja yang terlibat dengan perkhidmatan hendaklah memakai pakaian seragam dengan identiti MBSJ atau syarikat yang diwakili.

## 22.0 KOMPETENSI

- i) Syarikat mestilah mempunyai kepakaran dan pengalaman lebih daripada 5 tahun dalam menyediakan perkhidmatan bas henti-henti.
- ii) Adalah sebuah Syarikat yang ditubuhkan secara sah di bawah Undang-Undang Malaysia;
- iii) Mempunyai kuasa dan keupayaan bagi sebuah Syarikat untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini;
- iv) Telah mengambil setiap langkah yang munasabah di dalam memasuki dan melaksanakan Perjanjian ini.
- v) Mempunyai keperluan kewangan dan keupayaan teknikal untuk melaksanakan Perjanjian ini;
- vi) Pada masa Perjanjian ini berkuatkuasa dan di dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini atau apa-apa transaksi yang terlaksana di bawah Perjanjian ini tidak akan mengakibatkan apa-apa kemungkiran pada mana-mana peruntukan di bawah:-
  - i. *Memorandum Of Association* dan *Article of Association* yang sah; atau
  - ii. Apa-apa dokumen lain atau Perjanjian mengikat SYARIKAT atau harta-hartanya;



- vii) Pada masa Perjanjian ini berkuatkuasa, tiada menghadapi apa-apa litigasi, timbangtara, tuntutan cukai, prosiding yang sedang berkuatkuasa atau masih tertangguh yang pada pengetahuan SYARIKAT boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini; dan pihak SYARIKAT memperakui bahawa Perjanjian ini dimasuki oleh MBSJ berdasarkan pernyataan dan waranti oleh pihak SYARIKAT seperti di atas.

## **23.0 KEPERLUAN INTEGRASI SISTEM**

Peralatan dan bas yang digunakan hendaklah di integrasi terutama data maklumat sistem GPS dan lain-lain data maklumat yang akan dimaklumkan kemudian dengan data yang dibangunkan oleh Pihak *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) dan pihak majlis. Bagi mana-mana keperluan perkongsian data maklumat pihak syarikat perlu membenarkan untuk diintergrasikan tanpa sebarang kos tambahan.

## **24.0 KESELAMATAN PEKERJA**

Menyediakan keselamatan insurans terhadap orang awam dan perkerja-pekerja secukupnya. Sekiranya berlaku kemalangan atau kerugian ke atas orang awam, kakitangan MBSJ atau ke atas mana-mana orang di sepanjang masa SYARIKAT menjalankan Perkhidmatan tersebut, segala kerugian hendaklah ditanggung oleh SYARIKAT sepenuhnya yang mana berpunca ataupun disebabkan oleh kecuaiannya SYARIKAT selama tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa.

## **25.0 PENYELENGGARAAN BAS**

SYARIKAT hendaklah memastikan bas-bas diselenggara dengan baik untuk beroperasi bagi setiap jadual trip perjalanan serta sentiasa berada dalam keadaan bersih dan menanggung kos penyelenggaraan tersebut.

## **26.0 HAK PENGIKLANAN**

Hak pengiklanan adalah hak mutlak MBSJ. Pihak Majlis berhak untuk mengarahkan pihak syarikat untuk memaparkan sebarang jenis iklan tanpa sebarang cas tambahan terutama pada onboard entertainment. Pada bahagian lain sekiranya terdapat kos pemasangan akan dibincangkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pihak Syarikat tidak boleh mengambil keuntungan bagi pengiklanan yang melibatkan komersial tanpa persetujuan pihak majlis.

## 27.0 MASA TINDAK BALAS TERHADAP ADUAN

Klausa ini bertujuan untuk menetapkan standard masa tindak balas terhadap aduan yang diterima berkaitan dengan perkhidmatan bas, bagi memastikan kepuasan pengguna. Terpakai untuk semua jenis aduan yang diterima melalui saluran rasmi, termasuk tetapi tidak terhad kepada aduan perkhidmatan, keadaan bas, dan tingkah laku kakitangan.

### 27.1 Saluran Penerimaan Aduan

Aduan boleh disampaikan melalui:

- a. Pusat panggilan rasmi Majlis di talian 03-8024 7700.
- b. Aplikasi atau platform dalam talian yang disediakan di bawah Jabatan Perancangan Bandar Majlis di talian 019-3687833.
- c. Emel khidmat pelanggan boleh diajukan ke emel pengangkutan@mbsj.gov.my.

### 27.2 Kategori Aduan dan Masa Tindak Balas

Aduan yang diterima akan dikategorikan berdasarkan tahap mendesak:

- a. **Aduan Kecemasan** (contohnya, kemalangan, gangguan keselamatan):
  - i. Masa tindak balas awal: Maksimum **15 minit**.
  - ii. Tindakan lanjut: Dilaksanakan dalam tempoh **1 jam** selepas tindak balas awal.
- b. **Aduan Tahap Tinggi** (contohnya, kerosakan bas semasa perjalanan):
  - i. Masa tindak balas awal: Maksimum **1 jam**.
  - ii. Penyelesaian: Maksimum **24 jam**.
- c. **Aduan Tahap Sederhana** (contohnya, kelewatan jadual, keadaan kemudahan):
  - i. Masa tindak balas awal: Maksimum **4 jam**.
  - ii. Penyelesaian: Maksimum **3 hari bekerja**.
- e. **Aduan Tahap Rendah** (contohnya, cadangan atau maklum balas):
  - i. Masa tindak balas awal: Maksimum **1 hari bekerja**.
  - ii. Penyelesaian: Maksimum **5 hari bekerja**.

## BUTIRAN PERKHIDMATAN & SPESIFIKASI BAS

1.1 Butiran perkhidmatan adalah seperti di bawah :

Butiran	Maklumat
<b>Bidang Perkhidmatan</b> <b>Laluan Operasi Perkhidmatam Bas Smart Selangor</b>	: Perkhidmatan / Penyewaan dan Pengurusan / kenderaan Pengangkutan, komponen dan aksesori : <b>SJ01</b> : BRT / LRT Stesen USJ 7 - KTMB Subang Jaya / LRT Subang Jaya  <b>SJ02</b> : LRT Pusat Bandar Puchong – IOI Mall – Sunway Medical Centre – Sunway Pyramid – Kompleks 3C – LRT SS18 – Kolej Inti – Skypod Residence – LRT Pusat Bandar Puchong  <b>SJ03</b> : LRT BK5 – SMK Bandar Kinrara – Pasar Pagi 3K – SMK Batu 8 – SMK Bandar Puchong Baru Jaya – Taman Pak Siong – Kinrara Court – LRT BK5  <b>SJ04</b> : KTM Serdang - Jalan Besar, Seri Kembangan - Taman Kembang Sari - Serdang Jaya - Sri Serdang - UPM - Hospital Serdang  <b>SJ05</b> : Taman Bukit Serdang – Kg. Baru Sri Kembangan – Taman Serdang Jaya – Taman Bukit Serdang Sek.1 – Taman Universiti Indah – Taman Pinggiran Putra <i>Rujuk pelan laluan</i>
<b>Panjang (Kilometer / KM) (Pergi dan Balik) &amp; Anggaran Tempoh Masa Perjalanan (Jam)</b> <b>Tempoh Kontrak Tarikh Kontrak berkuatkuasa</b> <b>Perihal Pkhidmatan &amp; Waktu Operasi</b>  <b>Permit Dan Lesen Aplikasi Pengguna Bas</b>	<b>SJ01</b> : 17.3 KM / 35 MINIT <b>SJ02</b> : 22.8 KM / 53 MINIT : <b>SJ03</b> : 15.5 KM / 39 MINIT <b>SJ04</b> : 27.7 KM / 50 MINIT <b>SJ05</b> : 26.1 KM / 62 MINIT  : 1 Tahun  : Bas/ Bas Mini / <i>Co-Star</i> atau lain-lain yang bersesuaian serta berhawa dingin 6.00 pagi – 10.00 malam (setiap hari termasuk hari kelepasan am)  : sah sehingga tamat tempoh dokumen Mengguna pakai Mobile Apps SITS ( <i>Selangor Intelligent Transport System</i> ) [ <i>PlayStore (Android)</i> & <i>AppStore (iOS)</i> ] sebagai aplikasi utama

1.2 Spesifikasi Bas adalah seperti di bawah :

<b>Jenis Bas</b>	:	Bas/ Bas Mini / Co-Star atau lain-lain yang bersesuaian serta berhawa dingin
<b>Panjang ukuran bas</b>	:	Minimum 8 meter
<b>Model Bas</b>	:	Bergantung pada tawaran Operator
<b>Kapasiti bas</b>	:	Minimum 20 penumpang
<b>Jangka hayat bas</b>	:	Bas baru atau bas yang telah digunakan kurang daripada lima (5) tahun.
<b>Bilangan Bas</b>	:	<b>Menyediakan 14 unit bas</b> - (laluhan SJ01= 3 bas) (laluhan SJ02= 3 bas) (laluhan SJ03= 3 bas) (laluhan SJ04 = 3 bas) (laluhan SJ05 = 2 bas)
<b>Kemasan Pembalut Bas (<i>wrapping</i>)</b>	:	Menggunakan rekabentuk(design) Bas Smart Selangor MBSJ sebagai pembalut bas seperti yang dimaklumkan oleh pihak Majlis
<b>Bilangan Pemandu</b>	:	Menyediakan pemandu tetap dan gantian
<b>Jadual Operasi</b>	:	Hendaklah memastikan bas-bas bertolak dari perhentian bas mengikut butiran trip dalam jadual perjalanan bas seperti di Lampiran 4.
<b>Kemudahan dalam bas</b>	:	<ol style="list-style-type: none"><li>i. Panel LED di dalam bas;</li><li>ii. <i>'On Board Free WiFi'</i></li><li>iii. Kemudahan mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan <i>'wheel chair ramp'</i> dan <i>'priority seating'</i>.</li><li>iv. <i>'Onboard entertainment'</i>(Informasi dan pengiklanan Majlis)</li><li>v. Sistem Pengiraan Penumpang</li><li>vi. CCTV dalam bas</li><li>vii. Loceng</li><li>viii. Sistem GPS (<i>Global Position System</i>) dan dihubungkan dengan sistem Aplikasi SITS (<i>Selangor Intelligent Transport System</i>) &amp; sistem Geoxspot</li></ol>
<b>Kemudahan lain</b>	:	<ol style="list-style-type: none"><li>i. Pusat kawalan setempat</li><li>ii. CCTV diuar bas (hadapan dan belakang bas)</li><li>iii. Menyediakan kemudahan insurans perlindungan penumpang dan pihak ketiga</li><li>iv. Sistem maklumat dan anggaran masa berlepas (ETD)</li><li>v. Penyediaan data pada Sistem penjejakan bas (FTS) bagi kegunaan fungsi mobile apps SITS.</li><li>vi. Penjagaan dalaman dan luaran bas</li><li>vii. Cucian harian</li><li>viii. 24 jam sokongan kejuruteraan (penyelenggaraan)</li><li>ix. Menyediakan juga <b>2 unit bas tambahan</b> sebagai sokongan/gantian yang dilengkapi pembalut bas (<i>wrapping</i>) yang ditanggung oleh Operator sebagai penganti sementara bagi mana-mana bas yang mengalami kerosakan.</li></ol>

- x. Teknikal sistem laporan maklumat bilangan penumpang harian dan pemantauan.
- Lokasi Depoh bas** : Perluah dipastikan dalam jarak 30 km supaya proses penggantian bas atau pembaikan bas dapat dilaksanakan dengan segera dan tidak menjejaskan trip perjalanan.
- Kos Operasi & Penyelenggaraan** : Sebarang kos berkaitan penyelenggaraan bas adalah menjadi tanggungan dan seliaan penuh tangjawab Operator
- Sistem Tambang** : Menggunakan sistem '*Scan To Ride*'. Pemakluman dan latihan berkaitan sistem '*Scan To Ride*' ini akan diberikan kepada pihak syarikat setelah dilantik kelak.
  - i. Hanya sistem '*Scan To Ride*' yang dibangunkan oleh pihak SSDU digunapakai sebagai sistem tambang. Sistem lain tidak dibenarkan melainkan dengan arahan pihak Majlis.
  - ii. Mempamerkan kod QR sistem '*Scan To Ride*' di pintu masuk dan keluar bas
  - iii. Syarikat tidak dibenarkan mengutip sebarang bayaran daripada penumpang yang menaiki bas di perhentian-perhentian Bas yang disediakan kecuali jika diarahkan oleh MBSJ.
  - iv. Pemandu bas perlu membantu pengguna Bas *Smart Selangor* bagi mengunapakai sistem '*Scan To Ride*'

# REKA BENTUK BAS SMART SELANGOR MBSJ



Contoh reka bentuk di bas SMART Selangor Majlis Bandaraya Subang Jaya (Pandangan sisi kiri)



Contoh reka bentuk di bas SMART Selangor Majlis Bandaraya Subang Jaya (Pandangan sisi kanan)



Contoh reka bentuk di bas SMART Selangor Majlis Bandaraya Subang Jaya (Pandangan hadapan dan belakang)

REKABENTUK PAKAIAN SERAGAM

Lampiran 3



HADAPAN



BELAKANG

	<b>BAS</b> <b>SMART Selangor</b>		<span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #000080; border: 1px solid black;"></span> C:100 M:80 Y:0 K:20
	<span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #ED1C24; border: 1px solid black;"></span> #ED1C24 C:0 M:100 Y:100 K:0 <span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #FFD700; border: 1px solid black;"></span> #FFF100 C:0 M:0 Y:100 K:0		<span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #FF0000; border: 1px solid black;"></span> C:0 M:100 Y:100 K:0 <span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #008000; border: 1px solid black;"></span> C:70 M:0 Y:100 K:0 <span style="display: inline-block; width: 10px; height: 10px; background-color: #808080; border: 1px solid black;"></span> C:0 M:0 Y:0 K:80

**MASA PELEPASAN BAS SETIAP HARI TERMASUK CUTI UMUM**

**LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 01: BRT USJ 7 - LRT SUBANG JAYA**

BIL.	BAS 1	BAS 2	BAS 3
	BRT USJ 7	BRT USJ 7	BRT USJ 7
1	6.00	6.15	6.30
2	7.00	7.15	7.30
3	8.00	8.20	8.40
4	9.00	9.20	9.40
5	10.00	10.20	10.40
6	11.00	11.20	11.40
7	12.00	12.20	12.40
8	13.00	13.20	13.40
9	14.00	14.20	14.40
10	15.00	15.20	15.40
11	16.00	16.20	16.40
12	17.00	17.20	17.40
13	18.00	18.20	18.40
14	19.00	19.20	19.40
15	20.00	20.20	20.40
16	21.00	21.20	21.40
17	22.00	-	-

**JUMLAH TRIP SEHARI : 38**



## LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 02: LRT PUSAT BDR PUCHONG - LRT SS18

BIL	BAS 1		BAS 2		BAS 3	
	LRT PUSAT BANDAR PUCHONG	LRT SS18	LRT PUSAT BANDAR PUCHONG	LRT SS18	LRT PUSAT BANDAR PUCHONG	LRT SS18
1	6.00	6.30	6.15	6.45	6.25	7.00
2	7.00	7.30	7.15	7.45	7.30	8.10
3	8.00	8.40	8.15	9.00	8.30	9.30
4	9.30	10.10	9.45	10.30	10.00	10.40
5	10.30	11.00	10.45	11.30	11.00	11.40
6	11.30	12.00	11.45	12.30	12.00	12.40
7	12.30	13.00	12.45	13.30	13.00	13.40
8	13.30	14.00	13.45	14.30	14.00	14.40
9	14.30	15.00	14.45	15.30	15.00	15.40
10	15.30	16.00	15.45	16.30	16.00	16.40
11	16.30	17.00	16.45	17.30	17.00	17.40
12	17.30	18.00	17.45	18.30	18.00	18.40
13	18.30	19.00	18.45	19.30	19.00	19.40
14	19.30	20.00	19.45	20.30	20.00	20.40
15	20.30	21.00	20.45	21.30	21.00	22.00

**JUMLAH TRIP SEHARI : 25**

## LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 03: LRT KINRARA BK5 – SMK BANDAR PUCHONG JAYA

BIL	BAS 1		BAS 2		BAS 3	
	LRT BK5	SMK BDR PUCHONG JAYA	LRT BK5	SMK BDR PUCHONG JAYA	LRT BK5	SMK BDR PUCHONG JAYA
1	6.00	6.25	6.15	6.40	6.30	7.00
2	7.00	7.30	7.15	7.50	7.30	8.10
3	8.00	8.30	8.15	8.50	8.30	9.10
4	9.00	9.30	9.15	10.00	9.45	10.30
5	10.30	11.00	11.00	11.30	11.30	12.00
6	12.00	12.30	12.30	13.00	13.00	13.30
7	13.30	14.00	14.00	14.30	14.30	15.00
8	15.00	15.30	15.15	16.00	15.45	16.20
9	16.30	17.00	16.45	17.20	17.00	17.40
10	17.30	18.00	17.45	18.20	18.00	18.30
11	18.30	19.00	19.00	19.30	19.30	20.00
12	20.00	20.30	20.15	20.50	20.30	21.00
13	21.00	21.30	21.15	21.45	21.30	22.00

**JUMLAH TRIP SEHARI : 37**

## LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 04: KTM SERDANG – HOSPITAL SERDANG

BIL.	BAS 1		BAS 2		BAS 3	
	KTM SERDANG	HOSPITAL SERDANG	KTM SERDANG	HOSPITAL SERDANG	KTM SERDANG	HOSPITAL SERDANG
1	6.00	6.30	6.40	7.00	7.10	7.40
2	7.30	8.10	8.00	8.40	8.30	9.10
3	9.30	10.10	10.00	10.40	10.30	11.10
4	11.30	12.10	12.00	12.40	12.30	13.10
5	13.30	14.10	14.00	14.40	14.30	15.10
6	15.30	16.10	16.00	16.40	16.30	17.10
7	17.30	18.10	18.00	18.40	19.00	19.40
8	19.30	20.10	20.00	20.40	20.30	21.10
9	21.00	21.30	21.20	21.50	21.40	22.00

**JUMLAH TRIP SEHARI : 25**

## LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 05 : PUTRA PERMAI – TAMAN BUKIT SERDANG

BIL.	BAS 1		BAS 2	
	PUTRA PERMAI	TAMAN BUKIT SERDANG	PUTRA PERMAI	TAMAN BUKIT SERDANG
1		6.00	6.00	6.35
2	7.30	8.05	8.00	8.35
3	9.30	10.05	10.00	10.35
4	11.30	12.05	12.00	12.35
5	13.30	14.05	14.00	14.35
6	15.30	16.05	16.00	16.35
7	17.30	18.05	18.00	18.35
8	19.30	20.05	20.00	20.35
9	21.20	21.55	22.00	-

**JUMLAH TRIP SEHARI : 17**



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN L**

### **KADAR DENDA**

### KADAR DENDA

1	PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN OPERASI PERKHIDMATAN BAS	
	<p>1.1 Jumlah trip yang tidak lengkap. Sekiranya jumlah bilangan trip tidak lengkap disebabkan oleh kerosakan bas (dengan bukti dan mendapat pengesahan Majlis) kenaan penalti tidak dikenakan. Bayaran hanya ditolak pada trip yang tidak lengkap.</p> <p>1.2 Gagal menyediakan bas</p> <p>1.3 Gagal untuk berhenti di setiap perhentian bas untuk mengambil dan menurunkan penumpang setelah amaran rasmi kali ketiga diberikan (dikira berdasarkan laluan).</p> <p>1.4 Apa-apa syarat dalam perjanjian yang tidak dipatuhi tidak termasuk perkara 1.1, 1.2 dan 1.3</p>	<p>Formula kenaan denda adalah seperti berikut:  <math>A \times B \times C \times 1\%</math>                      A: Sewaan bas sehari untuk 1 laluan                      B: Bilangan trip yang tidak lengkap                      C: Bilangan Laluan</p> <p>RM800.00 sehari</p> <p>RM30.00 bagi setiap hentian</p> <p>RM50.00 bagi setiap syarat</p>





# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN M**

### **PELAN LOKASI**





**PELAN LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 02  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**JADUAL LALUAN SJ 02 :-**


- SJ02 - 01 : STESEN LRT PUSAT BANDAR PUCHONG (Lebuhraya Damansara-Puchong)
- SJ02 - 02 : IOI MALL PUCHONG (Lebuhraya Damansara-Puchong)
- SJ02 - 03 : SUNWAY MEDICAL CENTRE (Persiaran Lagoon Timur PJS 9/1)
- SJ02 - 04 : THE PINNACLE (Persiaran Lagoon Timur PJS 9/1)
- SJ02 - 05 : SUNWAY PYRAMID (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 06 : KOMPLEKS 3C (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 07 : LOT KEDAI SS 14 (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 08 : STESEN LRT SS 18 (Persiaran Jengka)
- SJ02 - 09 : STESEN LRT SS 18 (Persiaran Jengka)
- SJ02 - 10 : LOT KEDAI SS 15 (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 11 : STESEN MINYAK BHP SS 12 (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 12 : PJS 10 (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 13 : PERUMAHAN KOS RENDAH BDKL (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 14 : KAW PERUMAHAN PJS 7 (Jalan PJS 7/8)
- SJ02 - 15 : KAW PERUMAHAN PJS 7 (Jalan PJS 7/8)
- SJ02 - 16 : KAW PERUMAHAN PJS 7 (Lebuhraya pantai expressway)
- SJ02 - 17 : SKYPOD RESIDENCES (Persiaran Puchong Jaya Selatan)

JARAK KESELURUHAN : 25.2 KM

**PETUNJUK :-**

- HENTIAN BAS SMART SELANGOR SJ01
- LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ01
- ALIRAN LIGHT RAPID TRANSIT (LRT)
- ALIRAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)

UNIT GIS DAN PENGAKUTAN HAWA  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



**PELAN LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ03 MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**



**PETUNJUK**

- HENTIAN BAS SMART SELANGOR SJ03
- LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ01
- ALIRAN LIGHT RAPID TRANSIT (LRT)


UNIT OPERATOR: MBSJ  
 JABATAN: MANAJER BANDAR  
 MULTIPURPOSAL/PERUSAHAAN

**JADUAL LALUAN SU 03**

SJ03 - 01 : STEEN LET KINRARA BK 5 (Lebuhraya Bumf Jalinj) (Jalan BK 2/3) SJ03 - 02 : SMK SEK 1 BANDAR KINRARA (Jalan BK 2/3) SJ03 - 03 : BANDAR KINRARA 3 (Jalan Kinrara 4) SJ03 - 04 : TAMAN BUKIT KUCHAI (Jalan Kinrara 4) SJ03 - 05 : PASAR PAGI KINRARA (Jalan Kinrara 3/11) SJ03 - 06 : PERUMAHAN KOS RENDAH KINRARA (Jalan TK 5/32A) SJ03 - 07 : TAMAN KINRARA SEK 5 (Jalan TK 5/32A) SJ03 - 08 : PANGSAPURI JASMINE (Jalan Bandar Puchong Jaya) SJ03 - 09 : SMK BATU 8 (Jalan Bandar Puchong Jaya) SJ03 - 10 : SMK BANDAR PUCHONG JAYA A (Jalan Tiong) SJ03 - 11 : KONDOMINIUM IMPIAN HEIGHTS (Jalan Pilef 1) SJ03 - 12 : PANGSAPURI JASMINE (Jalan Bandar Puchong Jaya) SJ03 - 13 : RESTORAN DAY TO DAY (Jalan TK 5/2)	SJ03 - 25 : SKJK (T) LADANG KINRARA (Jalan Kinrara 1) SJ03 - 24 : TAPAK PEMBANGUNAN BERCAMPAUR (Jalan Kinrara 1) SJ03 - 23 : BATU 7 (Jalan Puchong lama) SJ03 - 22 : LOT REDAI (HONG LEONG BANK) (Jalan Kinrara) SJ03 - 21 : KINRARA COURT (Jalan Kinrara) SJ03 - 20 : PALM TERRACE APARTMENT (Jalan TK 1/13) SJ03 - 19 : TAPAK PEMBANGUNAN BERCAMPAUR (Jalan Puchong lama) SJ03 - 18 : TAMAN KANDAN (Jalan Puchong lama) SJ03 - 17 : LOT REDAI (PALM GROCER) (Jalan TK 5/32A) SJ03 - 16 : PERUMAHAN KOS RENDAH KINRARA (Jalan TK 5/32A) SJ03 - 15 : TAMAN KINRARA SEK 5 (Jalan TK 5/32A) SJ03 - 14 : TAMAN KINRARA SEK 5 (Jalan TK 5/1)
---	---


JARAK KESELURUHAN : 15.26 KM





**LALUAN**  
**SJ 05**

**LALUAN BAS SMART SELANGOR SJ 05**  
**TMN EQUINE - BUKIT SERDANG - TMN SERDANG JAYA**





# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN N**

### **MAKLUMAT PETENDER**